

## **TAWARAN E**

### **PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2018 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KATEGORI BUKAN GUNASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Permohonan Tawaran E terbuka kepada **Kumpulan Pelaksana (bukan Gunasama)** di KKM untuk memohon kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja dan pegawai boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar untuk pengajian sesi 2018 iaitu:-

- i. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Tanpa HLP) bagi kursus dalam dan luar negara

#### **ATAU**

- ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Tanpa HLP) bagi kursus dalam dan luar negara

**PERMOHONAN TAWARAN E: KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA)**  
**UNTUK MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH**  
**MASA SESI 2018**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Calon-calun bagi tawaran ini hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
  - a) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pelaksana yang sedang **berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
  - b) Berumur tidak melebihi **45 tahun** pada **tarikh tutup permohonan (18 September 2017)**, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
  - c) **Telah berkhidmat** sekurang-kurangnya selama **tiga (3) tahun** (lantikan selewat-lewatnya pada **1 Januari 2014**) pada tarikh tutup permohonan;
  - d) **Telah disahkan dalam perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
  - e) Mempunyai prestasi cemerlang dengan purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2014, 2015 & 2016) **tidak kurang daripada 85%** (penilaian satu tahun LNPT hendaklah **12 bulan genap**);
  - f) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2018)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- g) **Tidak pernah menerima** sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat yang sama;

- h) **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus yang mendapat tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KKM sebelum ini;
  - i) **Tidak pernah menolak tawaran** Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas; dan
  - j) **Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;**
  - k) **Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 dan seperti di Lampiran A.**
  - l) **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam atau telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam Negara;**
2. Permohonan ini adalah bagi sesi pengajian tahun 2018 dan **terbuka kepada semua calon Kumpulan Pelaksana Iantikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja dan tidak terbuka kepada calon Iantikan Kader dari Kementerian lain.**
  3. **Senarai kursus yang diiktiraf** boleh disemak di portal JPA iaitu <http://pengiktirafan.jpa.gov.my/> (terpakai bagi permohonan di peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda) di dalam dan di luar negara.
  4. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa** seperti di Lampiran B.
  5. Hanya calon-calon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya calon tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh temuduga, permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.

6. Pegawai yang menerima kemudahan Cuti Belajar Tanpa HLP adalah dikenakan **ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan** atau **dikenakan tuntutan ganti rugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian.**

#### **CARA UNTUK MEMOHON**

7. Borang permohonan Cuti Belajar boleh didapati dengan melayari laman web rasmi Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) di alamat <http://latihan.moh.gov.my>.
8. Calon hendaklah **melengkapkan dan mencetak borang permohonan** tersebut untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing **dengan sokongan daripada Penyelia/ Ketua Unit.**
9. Calon adalah diingatkan supaya **membaca syarat-syarat dan tatacara permohonan dengan teliti. Permohonan yang tidak memenuhi syarat atau tidak lengkap akan ditolak.**
10. Dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut:-
  - a) Dua (2) salinan borang permohonan yang telah diperakukan beserta gambar berukuran pasport; **(Lampiran I)**
  - b) Surat (*covering letter*) daripada Jabatan/ Tempat Bertugas dengan sokongan/ ulasan dari segi kebenaran mengikuti latihan/ kesesuaian bidang. **Cth: Lampiran C1**
  - c) Surat permohonan cuti belajar daripada calon yang memohon. **Cth: Lampiran C2;**
  - d) Dua (2) salinan pengesahan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). **Cth: Lampiran C3;**
  - e) Satu (1) salinan buku perkhidmatan yang terkini dan disahkan;
  - f) Surat tawaran biasiswa dan dokumen kontrak sekiranya menerima tajaan daripada pihak luar;
  - g) Senarai Tugas terkini;

11. Borang permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan** bagi mendapatkan perakuan dan seterusnya diangkat kepada **Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)** bagi mendapatkan perakuan selanjutnya. Permohonan yang **tidak melalui peringkat ini tidak akan dipertimbangkan**. Pihak JKN hendaklah mengembalikan dokumen tersebut ke BPL sebelum tarikh tutup iklan (**18 September 2017**).

12. Semua dokumen permohonan seperti di **Lampiran II** yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui Ketua Perkhidmatan/ Jabatan kepada:

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Aras 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya

13. Sila ambil maklum bahawa pemberian Cuti Belajar Tanpa HLP **dikecualikan** daripada **menyertakan surat tawaran universiti** sewaktu menghantar permohonan. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan menepati semua syarat, calon akan diberikan tawaran bersyarat cuti belajar sekiranya berjaya. Surat kelulusan rasmi akan dikeluarkan setelah calon mengesahkan tempat di universiti dan menyempurnakan borang perjanjian.

#### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ PENYELIA**

14. Ketua Jabatan/ Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/ Penyelia **untuk memperakukan calon yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**.

15. Ketua Jabatan/ Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan pada tahun 2018 kelak.

16. Sekiranya terdapat **sebarang unsur penipuan maklumat** dalam mengisi borang permohonan ini, **permohonan akan ditolak**.

17. Untuk sebarang pertanyaan, calon boleh berhubung dengan pegawai di bawah:

- 1) Pn. Nur Hanani binti Selamat, Penolong Setiausaha Kanan, LDP1  
(Kump. Pengurusan Profesional)

No. Tel : 03-8885 0772

Emel : [nurhanani.s@moh.gov.my](mailto:nurhanani.s@moh.gov.my)

- 2) Nor Izianie binti Ab Halim, Penolong Setiausaha, LDP1  
(Kump. Pelaksana)

No. Tel : 03-8885 0600 Ext: 6189

Emel : [psuldpsatu@moh.gov.my](mailto:psuldpsatu@moh.gov.my)